



**SOARING
UPWARDS**
MALAYSIAN HIGHER EDUCATION



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

KONAKA

KONFERENSI AKADEMIK

2016

Pengkongsian Ilmu Dari Perspektif Islam

30 November 2016 | Rabu
UiTM Cawangan Pahang
Kampus Jengka



UiTM Sentia

Adab Pendidikan Secara Islam: Satu Refleksi

Sulaila Bakar^{1*}, Azlini Razali², Zulkefli Mohamad³

¹Academy of Language Studies, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang,
Kampus Raub, 27000 Raub, Pahang, Malaysia
sulaila@pahang.uitm.edu.my

²Academy of Language Studies, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang,
Kampus Jengka, 26400 Bandar Tun Razak Jengka, Pahang, Malaysia
azlini@pahang.uitm.edu.my

³Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang,
Kampus Jengka, 26400 Bandar Tun Razak Jengka, Pahang, Malaysia
zulkefli@pahang.uitm.edu.my

*Penulis Rujukan

Abstrak: Islam adalah Ad-Din (menyeluruh). Islam merangkumi segala aspek kehidupan termasuklah dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Di UiTM Cawangan Pahang sendiri peratus pensyarah yang beragama Islam melebihi sembilan puluh peratus. Adalah wajar pengajaran dan pembelajaran berlandaskan Islam dipraktikkan dalam melahirkan modal insan yang cemerlang, gemilang dan terbilang. Kertas ini adalah satu refleksi mengenai adab dalam mencari dan memberi ilmu yang sering diabaikan. Hubungan pelajar dan pensyarah tidak ubah seperti penjual dan pembeli; ada yang hendak dijual dan ada pembelinya. Adab merupakan satu sistem dasar akhlak, adat dan tingkah laku atau kesesuaian yang merupakan prinsip moral. Ia juga boleh dikatakan sebagai tanggungjawab dan akibat tingkahlaku seseorang terhadap masyarakat. Pendidikan, dalam Islam, bukanlah sekadar proses memindahkan ilmu daripada seorang pendidik kepada anak didiknya. Ia merupakan satu proses untuk mendidik dan membangunkan modal insan di atas muka bumi ini. Dengan itu, proses mendidik perlulah dilakukan dengan penuh adab bagi menjamin keberkatan dan keberkesannya.

Kata Kunci: Adab, Islam, Pengajaran dan Pembelajaran,

1. Pendahuluan

“Sungguh aku telah diutuskan (oleh Allah) sebagai seorang pengajar”

(Riwayat Ibnu Majah)

Pendidikan dalam Islam boleh dikaitkan dengan dakwah, jihad dan tanggungjawab. Oleh yang demikian, orang pertama yang akan mencorak seseorang adalah kedua-dua ibu bapanya seperti yang telah dijelaskan oleh Nabi Muhammad SAW. Baginda telah bersabda bahawa ibu bapa adalah orang yang bertanggungjawab dalam menjadikan seseorang itu (berkeadaan) menjadi seorang Yahudi, Nasrani mahupun Majusi. Kemudian selepas ibu bapa, tersenarai pensyarah, rakan, media massa, masyarakat dan lain-lain lagi.

Maka takdir dan hidayah tidak akan datang secara sendiri tanpa sebarang jua faktor. Allah SWT menjelaskan bahawa kita wajib berusaha untuk mencorak dan mengubah nasib hidup kita sendiri ke arah kebaikan ataupun menuju ke arah kehancuran. Usaha bagi mengenal diri, Tuhan dan alam bertanggung di bahu insan yang ingin membentuk diri serta menuju kesejahteraan.

“...sungguh, bahawa Allah tidak akan mengubah keadaan sesuatu kaum sehinggalah mereka sendiri mengubah keadaan mereka...”

(Ar-Ra'd 13:11)

“Sesuatunya umat itu akan menerima apa yang mereka usahakan dan kamu juga akan menerima apa yang kamu kerjakan. Bukanlah kamu yang akan dipersoalkan tentang apa yang mereka lakukan.”

(Al-Baqarah 2:134)

2. Meningkatkan Keberkesanan Pengajaran

Hari demi hari, dunia semakin dewasa dan modernisasi sentiasa berlaku. Seperti kata-kata yang telah diujarkan oleh Sayyidina Umar Al-Khattab, “ajarlah anak-anakmu untuk menghadabi cabaran pada zamannya (bukan zamanmu)”. Peralatan, kaedah, bahan, sukatan dan segala yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran juga pasti akan berubah sesuai dengan tuntutan dan cabaran semasa.

Kursus pengajaran dari masa ke semasa tidak boleh dipandang mudah, malah tahap lanjutan juga perlu dibekalkan oleh tenaga pengajar untuk melihat dan mengikut perubahan zaman dan suasana serta yang berkaitan, lebih-lebih lagi kursus asas pengajaran bagi mereka yang lama tidak berkecimpung dalam tugas berkenaan. Oleh yang demikian, kursus-kursus berkala mengikut tempoh masa yang tertentu amat penting dan perlu diadakan dari tahun ke tahun.

Selain ganjaran, motivasi serta pengiktirafan yang boleh dicapai menerusi pengajaran dan pembelajaran, para pengajar juga perlu meningkatkan kesedaran dan rasa tanggungjawab untuk berbakti kepada masyarakat dalam bidang pendidikan ini. Bukanlah syurga atau neraka yang akan menunggak perbahasan, tetapi ketulusan hati seseorang pengajar itu yang sewajarnya perlu diutarakan.

3. Kepentingan Konsep dan Kaedah Pengajaran Secara Islam

Falsafah dan pengalaman manusia berkaitan pengajaran dan pembelajaran adalah subjektif. Allah SWT yang Maha Mengetahui segala rahsia, kebenaran hati dan amalan serta keperihalannya semua makhluk di dunia termasuk naluri dan hakikat manusia.

Rasullullah SAW pernah memberi peringatan keras kepada umat Baginda yang Allah SWT telah memperuntukkan satu tempat di dalam neraka bagi mereka yang mengejar ilmu untuk kesenangan duniawi semata-mata. Tanggungjawab ke atas setiap Muslim adalah bagi memastikan niat untuk menimba ilmu semestinya ikhlas kerana Allah SWT. Kita yang berada di dalam era globalisasi yang terlalu mementingkan kebendaan menyebabkan diri kita sering alpa bahawa ilmu yang ditimba bukan untuk mendapatkan kedudukan yang selesa serta kerjaya yang mantap, tetapi adalah untuk menjauhkan kita daripada kejahilan. Ini mampu menjadi perisai diri di dalam melawan arus kesesatan dan seterusnya membawa perubahan kepada tahap keislaman dalam diri masing-masing.

“...dan ketahuilah bahawa Allah mengetahui apa yang tersemat dalam hatimu maka takutlah kepadaNya dan ketahuilah bahawa Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.”

(Al-Baqarah 2:235)

4. Tujuh Adab Penting yang Perlu Ada dalam Seseorang Pelajar

4.1 Ikhlas

Pelajar boleh bersifat ikhlas dalam proses pengajaran dan pembelajaran dengan memastikan jiwa mereka tulus dan mereka boleh mengorak langkah mencari ilmu dengan membuang segala sifat negatif dan digantikan dengan sifat positif terutamanya bersangka baik menuju Allah SWT dan mencari kebaikan ukhrawi serta duniawi.

4.2 **Hormat dan santun**

Pelajar perlu menyantuni ilmu, pensyarah, kitab/buku, suasana dan segala anugerah daripada Allah SWT. Sifat hormat dan santun adalah mengikut lunas wahyu dan bukan merujuk perasaan dan keputusan hati sendiri. Beradab bukan hanya kepada manusia sahaja, tetapi juga beradab terhadap ilmu, *syara'*, kitab/buku dan suasana sekitar termasuklah flora dan fauna. Semua makhluk di dunia juga berdoa kepada Allah SWT dalam menuntut ilmu sesuatu ilmu.

4.3 **Tawaduk (merendah diri)**

Pelajar juga perlu merendahkan diri dalam pelbagai aspek seperti bersangka baik terhadap pensyarah dan teman mereka. Pelajar tidak boleh menganggap tahu atau pandai terhadap sesuatu perkara yang telah diketahui oleh pelajar itu dalam sesuatu topik pembelajaran kerana banyak *barokah* serta pahala di dalam proses pembelajaran sesuatu ilmu itu.

4.4 **Bersungguh-sungguh**

Sifat tamak dan haloba untuk mendapatkan ilmu perlu ada dalam setiap pelajar. Mereka perlu mengorbankan masa, usaha, harta malah jiwa dan raga mereka untuk mempelajari sesuatu ilmu.

4.5 **Penyayang dan ringan tulang**

Mereka perlu ada sifat penyayang dan ringan tulang terutamanya terhadap pensyarah, teman dan keluarga serta masyarakat mereka. Pelajar boleh membantu melaksanakan kerja ringan apatah lagi kerja berat apabila orang lain berada dalam kesusahan. Mereka perlu melahirkan tradisi untuk berebut membantu pensyarah dalam apa jua aspek.

4.6 **Amanah**

Pelajar mesti amanah terhadap ilmu, tugas dan tanggungjawab mereka sebagai pencari ilmu. Amanah dalam urusan-urusan yang lain seperti ujian, peperiksaan dan hal ehwal harian juga adalah penting.

4.7 **Rajin berdoa**

Akhir sekali, pelajar mesti rajin berdoa untuk pensyarah, ibu bapa dan rakan mereka. Doa oleh penuntut ilmu (mereka yang sedang belajar) tergolong dalam orang-orang yang permintaannya mudah dimakbulkan oleh Allah SWT. Mereka yang berada di medan jihad adalah berhampiran dengan malaikat dan keberkatan, malah malaikat akan menghamparkan sayapnya di bawah laluan kaki penuntut ilmu. Pasrah dan tawakal kepada Allah SWT setelah berusaha bersungguh dan sewajarnya juga penting dalam diri seseorang pelajar.

5. **Tujuh Adab yang Perlu Ada dalam Seseorang Pensyarah**

Menurut Imam Al-Ghazali, “adab atau akhlak adalah ibarat kepastian mengenai unsur yang konkrit di dalam diri yang akan melahirkan tingkah laku secara spontan”. Oleh kerana itu, seorang pensyarah harus memerhatikan kelakuannya terutama dengan pelajarannya di mana setiap tingkah lakunya, gerak gerinya, ucapannya akan menjadi contoh utama pelajar-pelajarannya. Seandainya seseorang pensyarah itu tidak beradab, maka punahlah kekuatan sebuah pembelajaran, musnahlah nilai sebuah pendidikan.

5.1 Ikhlas

Mengajar bukan kerana gaji dan bukan pula mendambakan ucapan terima kasih. Mengajar diniatkan sebagai ibadah dengan mengharapkan keredhaan Allah SWT.

5.2 Amanah

Sikap amanah membawa maksud setiap pensyarah mesti mengikut landasan yang bermatlamatkan untuk meningkatkan tahap kualiti, produktiviti dan disiplin dalam kerjaya. Pensyarah mestilah sentiasa bermuhasabah, komited dan konsisten dalam menggalas tanggungjawabnya sebagai seorang pendidik. Menurut perspektif Islam, tingkah laku pensyarah yang betul haruslah berasaskan Al-Quran dan ketakwaan kepada Allah SWT supaya ketirisan dalam dunia pendidikan tidak berlaku. Setiap kerjaya menetapkan nilai-nilai asas yang perlu ditaati oleh semua yang menjalankan pekerjaan tersebut; Kod Etika. Terdapat empat Kod Etika perguruan yang digariskan oleh Kementerian Pendidikan:

- I. Tanggungjawab terhadap pelajar*
- II. Tanggungjawab terhadap ibubapa*
- III. Tanggungjawab terhadap masyarakat dan negara*
- IV. Tanggungjawab terhadap rakan sejawat dan profesion perguruan*

5.3 Benar

Tidak malu dan takut untuk mengatakan “Saya tidak tahu” atau “Wallahu a’lam” apabila jawapan kepada sesuatu persoalan tidak diketahui. Nabi Muhammad SAW pernah menjawab apabila ditanyai seorang lelaki tentang negeri yang paling buruk. “Saya tidak tahu, saya akan tanya kepada Jibrail AS.” Apabila ditanya kepada Jibrail AS, jawapan yang diterima adalah, “Saya tidak tahu, saya akan tanyakan kepada Allah SWT”.

5.4 Teladan (uswah/qudwah)

Tidak takabur bukan hanya dengan pelajarinya tapi juga dengan rakan sekerja. Meninggalkan sifat acuh tidak acuh dan bergurau senda terutamanya dengan pelajarinya dan rakan sekerjanya kerana perbuatan ini dapat meruntuhkan reputasi dan rasa hormat mereka terhadapnya.

5.5 Sabar

Lemah-lembut di saat mengajar terutamanya terhadap pelajar yang kurang IQnya, pelajar yang tidak pandai mengajukan soalan, pelajar yang lambat penerimaan pembelajaran dan sebagainya. Pensyarah mesti menggunakan perkataan-perkataan yang positif dan mempamerkan tingkahlaku yang memberangsangkan bagi membantu dan memberi pengaruh yang positif terhadap pelajar.

5.6 Hormat dan penyayang

Sering menggunakan ungkapan yang lemah lembut dan membina, bukan dengan celaan dan hinaan dalam menasihati pelajar. Pensyarah mestilah menutup aib pelajar-pelajarnya agar tidak diketahui oleh orang lain. Pensyarah mestilah menyayangi pelajar-pelajar mereka sepertimana mereka menyayangi anak-anak mereka sendiri.

5.7 Adil

Bersikap adil di mana tiada penganiayaan dan sikap pilih kasih berlaku kepada pelajar-pelajarnya. Pensyarah hendaklah mempunyai rasa belas kasihan dan empati kepada pelajarinya.

6. Penutup

Tugas pendidik adalah untuk membangunkan peradaban sesuatu masyarakat dan bangsa. Dalam memastikan pengajaran dan pembelajaran berjalan, kebersihan jiwa dari akhlak yang rendah haruslah didahulukan. Menurut Imam Al-Ghazali, “Selagi batin tidak bersih dari hal-hal yang keji, maka ia tidak dapat menimba ilmu yang bermanfaat.” Ini memberi gambaran kepada kita bahawa sebelum pengajaran dan pembelajaran bermula, seorang pencari ilmu dan seorang pemberi ilmu haruslah membersihkan diri dari penyakit hati.

“...bukanlah ilmu itu kerana banyak meriwayatkan tetapi ilmu itu adalah cahaya yang dimasukkan ke dalam hati.”

(Ibnu Mas’ud)

Kita haruslah melayari kehidupan ini di atas landasan amal makruf dan nahi mungkar. Sebagai pensyarah kita mesti mengamalkan segala ilmu yang dipelajari setakat mana yang termampu. Sesungguhnya ilmu itu adalah nur yang suci yang mana ia tidak dapat kita peroleh jika diri kita sentiasa disaluti dengan maksiat. Kita sering diingatkan oleh para ulama’ bahawa orang yang berilmu tetapi tidak beramal dengan ilmunya akan dicampak ke dalam neraka lebih dahulu daripada penyembah-penyembah berhala. Ilmu yang dipelajari dan diajari sepatutnya dijadikan sebagai benteng dari terjerumusnya kita ke kancah maksiat. Ia juga boleh dijadikan sebagai senjata dalam memerangi musuh-musuh Islam. Akhir kalam, ilmu yang dipelajari dan diajari boleh dijadikan penawar yang mujarab dalam menyembuhkan penyakit rohani dan jasmani di dalam masyarakat.

7. Rujukan

- Adab dalam pengajaran dan pembelajaran. (n.d.). Dicapai Okt 24, 2016, dari <http://www.pengajian islam.pressbooks.com>.
- Adab menuntut ilmu menurut Imam Al-Ghazali. (2016). Dicapai Okt 24, 2016, dari <http://www.duniaislam.org>.
- Adab-adab bagi guru dan murid dalam belajar mengajar. (2016). Dicapai Okt 24, 2016, dari <http://www.dainusantara.com>.
- Adab-adab menuntut ilmu. (n.d.) Dicapai Okt 24, 2016, dari <http://www.halaqah.net>.
- Adab-adab seorang guru terhadap murid. (n.d.) Dicapai Okt 24, 2016, dari <http://www.umdah.com>.
- Ali Akhbar bin Muhammad (n.d.) *Empat adab dalam menuntut ilmu*. Dicapai Okt 24, 2016, dari <http://www.hidayatullah.com>.
- Ini 5 adab guru. (2016) Dicapai Okt 24, 2016, dari <http://www.republika.co.id>.
- K.H. Muhammad Syukeri Unus Al-Banjari. (2011). *Empat Puluh Hadith Kelebihan Ilmu dan Ulama (cetakan ke-3)*. Kedah: Khazanah Banjariah.
- Zulkifli Mohamad Al-Bakri. (2011). *Nota untuk Anaku*. Bangi: Darul Syakir Enterprise.